



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI**  
**MALAYSIA**

(Bagi Minggu 50/2018 dari 9 Disember hingga 15 Disember 2018)

Pada minggu ke-50 iaitu bagi tempoh 9 Disember hingga 15 Disember 2018, sejumlah 2,324 kes Denggi telah dilaporkan diseluruh negara, iaitu pengurangan sebanyak 10.8% berbanding 2,606 kes pada minggu sebelumnya. Bermula dari Januari hingga 15 Disember 2018 sejumlah 75,612 kes Denggi dilaporkan di seluruh negara manakala jumlah kumulatif kematian Denggi adalah sebanyak 135 kematian.

Sejumlah 846 lokaliti wabak dilaporkan di seluruh Malaysia pada minggu ke-50. Manakala sebanyak 100 lokaliti hotspot melibatkan lima (5) buah negeri iaitu 83 hotspot di Selangor, sepuluh (10) di Pulau Pinang, empat (4) di Sabah, dua (2) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya dan satu (1) di Negeri Sembilan telah dilaporkan.

Satu (1) kes Chikungunya dilaporkan pada minggu ke-50. Sehubungan itu, jumlah kumulatif kes Chikungunya bermula dari Januari hingga 15 Disember 2018 adalah sebanyak 87 kes iaitu 31 kes di Daerah Tumpat, 29 kes di Daerah Pasir Puteh, 15 kes di Daerah Kota Bharu, dua (2) kes di Daerah Kuala Muda, manakala masing-masing satu (1) kes di daerah Sik, Meradong, Machang, Kangar, Sepang, Penampang, Baling, Kota Setar, Petaling dan Pasir Mas.

Bagi penyakit Zika pula, dari Januari hingga 15 Disember 2018, berdasarkan pemantauan yang dijalankan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) didapati 3078 sampel darah dan 15 sampel urin pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif.

Berikutan peningkatan kes Denggi, masyarakat serta penduduk setempat hendaklah meningkatkan aktiviti pencegahan Denggi dengan melaksanakan perkara berikut;

- i. Membersihkan persekitaran dan kawasan dalam rumah dari tempat pembiakan Aedes. Bersihkan bekas-bekas yang boleh menakung air dan musnahkan segera jika tidak diperlukan. Manakala bekas-bekas air yang sukar dikosongkan hendaklah diletakkan bahan pembunuh jentik-jentik.
- ii. Jawatankuasa penduduk hendaklah melaksanakan aktiviti membersihkan kawasan di lokaliti berisiko seperti longgokan sampah haram, taman rekreasi dan tanah lot kosong.
- iii. Melindungi diri dari gigitan nyamuk dengan menggunakan repelan atau pakaian panjang dan seluar panjang yang berwarna cerah.
- iv. Sekiranya anda hendak bercuti, pastikan kenderaan disembur dengan aerosol terlebih dahulu untuk membunuh nyamuk dewasa sebelum memulakan perjalanan.

Masyarakat juga dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan segera sekiranya mengalami gejala demam Denggi seperti demam, sakit kepala, sakit sendi, ruam, loya, muntah atau gejala amaran awal seperti muntah berterusan, sakit perut atau keletihan. **Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**

  
**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

20 Disember 2018

## Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 50/2018  
(9 Disember hingga 15 Disember 2018)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Kumulatif kes denggi sehingga minggu 50/2018		Kumulatif kes denggi sehingga minggu 50/2017	
		Minggu Epid 50 (9 – 15 Disember 2018)		Minggu Epid 49 (2 – 8 Disember 2018)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	24	0	22	0	342	0	175	0
2	Kedah	77	0	70	0	2,062	7	1,395	5
3	P. Pinang	227	1	220	1	5,713	13	2,568	13
4	Perak	72	1	64	0	2,588	6	5,321	12
5	Selangor	1,262	1	1,496	1	42,305	36	44,196	64
6	WP KL & Putrajaya	192	1	231	2	7,154	11	8,180	19
7	N. Sembilan	68	0	90	1	1,740	5	3,016	11
8	Melaka	28	0	22	0	662	0	1,404	1
9	Johor	152	1	166	1	5,596	20	7,680	24
10	Pahang	26	0	22	0	949	3	1,654	6
11	Terengganu	21	0	11	0	505	3	284	1
12	Kelantan	55	1	60	0	1,850	4	2,488	2
13	Sarawak	33	0	31	0	762	1	930	4
14	Sabah	85	1	101	0	3,284	26	2,410	8
15	WP Labuan	2	0	0	0	100	0	90	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>2,324</b>	<b>7</b>	<b>2,606</b>	<b>6</b>	<b>75,612</b>	<b>135</b>	<b>81,791</b>	<b>170</b>

## Lampiran B

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 50/2018  
(9 Disember hingga 15 Disember 2018)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pangsapuri Baiduri)	29	114
2	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 2 Bandar Rinching	37	95
3	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 6)	35	94
4	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Perdana (Lp 7-Flat)	20	87
5	SELANGOR	Petaling	Seksyen U13 ( Pangsapuri Seroja )	21	84
6	SELANGOR	Petaling	Seksyen 17 Teres A (Jln 17/1a- 17/15)	82	83
7	SELANGOR	Petaling	Seksyen 16 ( Flat A : Blok 1 - 4, Blok 9 - 16 )	26	80
8	SELANGOR	Klang	Tmn Setia (Jln Setia 2)	64	77
9	SELANGOR	Klang	Seksyen 31 ((Apt Sri Nervilla)	22	75
10	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Impian Murni Saujana Impian	23	69
11	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 2d Flat Desa Mentari ( Blok 11 )	28	68
12	SELANGOR	Petaling	Usj 16 (Sri Tanjung Appt)	57	68
13	SELANGOR	Petaling	Seksyen U10 ( Alam Budiman : Jln U10/68 - U10/77b )	35	67
14	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 5)	34	66
15	SELANGOR	Petaling	Bt 13 Kg Tengah	30	64
16	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Impian Murni 2&3 Saujana Impian	23	64
17	SELANGOR	Klang	T.S Jalan Dato Dagang 21-30	31	63
18	P PINANG	SP Tengah	Siakap, Lorong	23	60
19	SELANGOR	Petaling	Usj 16	27	59
20	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 7 - Rumah Kedai)	16	59
21	P PINANG	SP Tengah	Taman Impian Indah (Blok A)	13	59
22	P PINANG	Timur Laut	Taman Manggis	16	58
23	SELANGOR	Klang	Tmn Johan Setia ( Lrg Setia 1a)	16	57
24	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat D : Blok 52 - 58)	14	56
25	SELANGOR	Petaling	Tmn Saujana Puchong Sp 3 (Rmh Kedai)	17	55

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
26	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 8 Mentari Court	11	55
27	SELANGOR	Klang	Off Jln Kem (Lrg Berembang)	37	55
28	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 4)	19	55
29	SELANGOR	Klang	T.S (Jln Dato Dagang 26)	11	54
30	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Dayang 26,28,30,32,34,36,38,40,42,44,46,48,50,52,54,56&58/8 Bandar Mahkota	15	54
31	SELANGOR	Klang	Pelabuhan Klang (Flat Sri Perantau)	61	54
32	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 1 Bangi Avenue 1	24	53
33	SELANGOR	Klang	Telok Gadong (Jln Pokok Sakat)	19	53
34	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 1 Bandar Teknologi	15	53
35	P PINANG	SP Tengah	Perkampungan Berapit (Zon B)	16	52
36	P PINANG	Barat Daya	Kem Sungai Ara	21	52
37	SELANGOR	Petaling	Du Pju 1 ( 4 )	11	51
38	SELANGOR	Petaling	Bdr Bkt Puchong Bp 7 (Rumah Kedai)	11	51
39	SELANGOR	Petaling	Bt 13 Kg Sri Aman (Lrg Bestari)	10	51
40	SELANGOR	Klang	Pelabuhan Klang,Jalan Kapas	8	51
41	SELANGOR	Petaling	Tmn Pinggiran Putra (Vista Pinggiran)	6	51
42	SABAH	Sandakan	Kg. Forest(Jambatan D,E,F)	20	51
43	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 6 Flat Pelangi Damansara (D, E, F)	15	50
44	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Hentian 2-6 Hentian Kajang	17	49
45	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Zapin Taman Impian Ehsan	6	48
46	SELANGOR	Petaling	Bg Seksyen 51a Flat Impian Baiduri	18	48
47	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Abim Sungai Ramal Dalam	11	47
48	SELANGOR	Klang	Telok Gadong ( Jln Mastika)	13	47
49	SELANGOR	Petaling	Seksyen U10 ( Pangsapuri Budiman )	14	45
50	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 3/1-9 Seksyen 3 Bandar Sri Putra	14	45
51	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 5,5/9 Dan 5/11-5/16 Tmn West Country	28	45
52	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Wawasan 2/1-2/8,2/10&2/12 Bandar Baru Ampang	16	45

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
53	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Sri Nilam Bandar Baru Ampang	7	44
54	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 10 Apt Harmoni 2 (D,E,F,G,H,J,K,T,S,R)	13	44
55	SELANGOR	Petaling	Seksyen U6 ( Taman Subang Permata : Jln U6/15 - U6/17 & Apt Delima )	6	43
56	SELANGOR	Gombak	Tmn Sri Melati	17	43
57	SELANGOR	Hulu Selangor	Lokaliti 2 Bdr Baru Btg Kali	28	42
58	P PINANG	SP Tengah	Tenggiri, Lengkok Tenggiri	10	42
59	P PINANG	SP Tengah	Taman Impian Ria	9	41
60	SELANGOR	Petaling	Seksyen 17 (Padang Jawa C : Jln Mat Raji Kiri)	15	39
61	SELANGOR	Gombak	Bdr Tasik Puteri Fasa 7a (Zon B)	19	39
62	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Merak & Rumah Pangsa Sri Saujana)	22	39
63	WPKL	Cheras	Pangsapuri Permai	9	38
64	SELANGOR	Klang	Padang Jawa ( Pangsapuri Ken Rimba)	9	38
65	P PINANG	SP Tengah	Pangsapuri Ampang Jajar	31	38
66	SELANGOR	Klang	Seksyen 32 (Apt Rimau Indah)	20	37
67	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 1 Bandar Rinching	16	37
68	SELANGOR	Klang	Pelabuhan Klang (Lrg Berangan)	4	37
69	SABAH	Sandakan	Kg. Bakau Batu Sapi	13	37
70	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 10 Apt Sri Subang	8	36
71	P PINANG	SP Tengah	Alma Estate	17	36
72	N SEMBILAN	Seremban	Putra Point Nilai (Jln. Bbn 1/2)	6	35
73	SABAH	Sandakan	Taman Sejati	5	35
74	SELANGOR	Klang	Kg Sg Sireh Tambahan 2 (Lrg Belimbing)	7	34
75	SELANGOR	Hulu Langat	Rumah Kedai Jalan 15/1 Seksyen 15 Bandar Baru Bangi	23	34
76	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Perdana (Desaminium Rimba)	7	34
77	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 ( Pangsapuri Mutiara Subang : Blok 1 - 7 )	11	34
78	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4/3 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	6	33

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
79	SELANGOR	Petaling	Seksyen 17 ( Padang Jawa K : Jalan Bilal Wondo )	7	33
80	SELANGOR	Klang	Kwsn Perindustrian Bukit Raja Selatan (Jln Keluli A17/A1)	7	33
81	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 ( Teres B : Jln 13/16 - 13/25 & 13/57 - 13/59 )	10	33
82	SELANGOR	Petaling	Kota Perdana (Jln Kp 1)	7	33
83	SABAH	Sandakan	Kg. Berhala Darat	11	33
84	WPKL	W/P Putrajaya	Presint 11 - Parcel Zon 4a	10	32
85	SELANGOR	Klang	Jln Kebun ( Lorong Hj Mughni, Lot 3694)	20	32
86	SELANGOR	Petaling	Tm Seksyen 4 Kuarters Mbpj Inai Merah	14	32
87	SELANGOR	Klang	T.S (Jln Dato Yusuf Shahbudin 1-10)	9	32
88	SELANGOR	Kuala Langat	Kuarters Tudm, Jugra.	14	32
89	SELANGOR	Petaling	Seksyen 9 ( Kondo Kemuncak Shah Alam )	12	32
90	P PINANG	Timur Laut	Mutiara Idaman	6	32
91	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Raya 6 P'puri Mutiara Serdang (Turf View Apt)	19	31
92	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tps 3 Taman Pelangi Semenyih	5	31
93	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Gembira	19	31
94	SELANGOR	Petaling	Usj 9/3k - Usj 9/3p	18	31
95	SELANGOR	Klang	Pandamaran Jaya (Jln 99)	5	31
96	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Prima 3	14	31
97	SELANGOR	Petaling	Tmn Bkt Serdang 13 (Orkid)	4	31
98	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 9 Sd 15 Apt Sd Tiara	4	31
99	SELANGOR	Petaling	Seksyen U17 ( Kg Merbau Sempak )	15	31
100	SELANGOR	Petaling	Bdr Bkt Puchong Bp 1 (Flat Bkt Puchong)	11	31

